

MB Selangor bakal cabar Azmin di Parlimen Gombak

PKR bersedia hantar Amirudin berdepan saingan di kubu kuat parti

Oleh Rafidah Mat Ruzki,
Nor Fazlina Abdul Rahim,
Saadiah Ismail dan
Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari bakal melawan 'mentornya', Datuk Seri Mohamed Azmin Ali di kerusi Parlimen Gombak pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), 19 November nanti.

Ia berikutan kenyataan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada satu program di Kuala Selangor, malam kelmarin, manakala sebelum itu, Mohamed Azmin yang juga Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU menegaskan, beliau bersedia terus berkhidmat di Gombak.

Walaupun menjelaskan pencalonan Amirudin di Gombak belum rasmi, Anwar secara berseloroh berkata, beliau sudah 'membocorkan soalan', menegaskan PKR bersedia menghantar 'Panglima Selangor' untuk berdepan saingan di kerusi Parlimen kubu kuat parti berkenaan.

Mohamed Azmin adalah bekas Timbalan Presiden PKR yang menyandang kerusi Parlimen Gombak selama tiga penggal sebelum dipecat keahlian parti pada Februari 2020 atas dakwaan 'pengkhianatan terbuka' dan kemudian menyertai BERSATU pada tahun lalu.

Sejak kemelut dalaman PKR itu yang menyaksikan kerajaan Pakatan Harapan (PH) tumbang selepas 22 bulan menerajui kerajaan Persekutuan, Anwar yang juga Penge-



rusi PH merujuk kerusi disandang bekas pemimpin PKR yang meninggalkan parti sebagai kerusi 'pengkhianat'.

"Itu kerja Amir (Amirudin) yang nak jaga Gombak, kita akan hantar panglima utama Selangor untuk berdepan (saingan) di Gombak, tapi ini bukan pengumuman rasmi, rasmi nanti Jumaat ini.

"Saya dah bocor soalan, saya bincang dengan Amir (Amirudin), dia kata 'saya ini panglima, saya mampu, insya-Allah pertahankan' (Gombak untuk PH)," katanya berucap pada Jelajah Mega Harapan Selangor.

Sebelum ini, Mohamed Azmin yang menyerahkan jawatan Menteri Besar Selangor kepada Amiruddin pada 2018, sering dianggap sebagai mentor kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Caves itu ketika mereka bersama dalam PKR.

Pada program sama di Kuala Selangor, Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu ketika ditemui pemberita, tidak menolak kemungkinan mempertahankan kerusi Parlimen Kota Raja walaupun keputusan akhir belum dimuktamadkan.

"Saya belum tentu lagi bertan-

ding kerusi mana, (tapi) jangkaan di tempat lama. Akan kita beritahu kemudian," katanya turut memaklumkan, AMANAH akan bertanding enam kerusi Parlimen di Selangor pada PRU15 dan senarai rasmi calon akan diumumkan Ahad ini.

Radzi calon Putrajaya

Di Putrajaya, Pengerusi Perikatan Nasional (PN) merangkap Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yasin, malam kelmarin mengumumkan Naib Presiden BERSATU, Datuk Dr Radzi Jidin sebagai calon gabungan itu bagi kerusi Parlimen Putrajaya.

"Calon yang nak kita letak di Putrajaya adalah Datuk Dr Radzi Jidin. Saya umum awal lagi. Malam ini (kelmarin) sah, ini calon kita di Putrajaya," katanya pada program Jelajah Prihatin PN.

Muhyiddin berkata, biarpun penyandang kerusi Parlimen Putrajaya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor sudah melakukan sesuatu untuk kawasannya, kini sudah tiba masa untuk perubahan dan perubahan itu akan berlaku dengan PN melalui Menteri Kanan Pendidikan itu.

Pada Ogos lalu, media melaporkan UMNO Bahagian Putrajaya hanya mencadangkan satu nama, iaitu Tengku Adnan untuk bertanding mempertahankan kerusi Parlimen berkenaan pada PRU15.

Tengku Adnan, 72, yang juga Ketua UMNO Putrajaya menang kerusi Parlimen terbabit pada PRU 2004, iaitu pilihan raya pertama membabitkan kawasan itu yang diwujudkan selepas persempadanan semula.

Di Kota Bharu, Pengerusi Save Kelantan, Datuk Husam Musa dijangka bertanding di Parlimen

Shah Alam menggunakan kuota PKR mewakili PH bagi menggantikan penyandang, Khalid Samad yang berpindah ke Parlimen Titiwangsa.

Ini percubaan kedua Husam di Putrajaya selepas tewas kepada Tengku Adnan pada PRU13. Beliau sebelum ini Ahli Parlimen Kubang Kerian pada 1999 selama satu penggal, selain wakil rakyat selama dua penggal di DUN Salor sehingga 2013.

Beliau dipecat daripada PAS pada 23 April 2016 atas tindakan melanggar tata tertib dan menegur kerjasama belakang tabir UMNO dan PAS. Pada PRU14, Husam bertanding di Parlimen Kota Bharu dan DUN Salor di bawah logo PKR, namun tewas di kedua-dua kerusi.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, menegaskan tidak akan membuat sebarang kenyataan sama ada bertanding di Santubong atau tidak pada PRU15.

Ketika ditemui media selepas Majlis Penyerahan Peranti Siswa Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, semalam beliau berkata, perkara itu terpulang kepada Tan Sri Abang Johari Abang Openg memandangkan Premier Sarawak itu Pengerusi Gabungan Parti Sarawak (GPS).

"Di Sarawak berlainan sedikit kerana kita taat keputusan parti. Jadi apabila parti berdiam, kita juga berdiam daripada membuat sebarang kenyataan. Selepas pengumuman diberi, barulah saya boleh beri kenyataan," katanya.

Sebelum ini, timbul spekulasi Wan Junaidi tidak mahu mempertahankan kerusi Parlimen Santubong selepas menyandang kerusi itu selama empat penggal dan dikatakan mencalonkan Setiausaha Politikanya, Syed Hamzah Syed Paie untuk mengisi kekosongan itu.



Amirudin Shari